

AMALAN HARI WUKUF DALAM SITUASI COVID-19

Oleh: Nur Nusrah Nasuha binti Muhamad Saidi, 1171289,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 18 Ogos 2020



“Labbaik Allahumma labbaik”

“Labbaika la syarika laka labbaik”

“Innal hamda wan ni'mata”

“Laka wal mulka la syarika lak”

Laungan bergema, ucapan sekalian manusia buat Tuhan Maha Pencipta alam. Hari di mana umat Islam melakukan ibadah haji.

Ia juga satu perayaan bagi umat Islam yang jatuh pada 9 Zulhijjah setiap tahun mengikut kalendar Hijrah. Hari yang merupakan hari kedua terpenting dalam ibadah haji.

Pada hari tersebut, para jemaah pergi ke Gunung Arafah dari Mina serta padang Arafah. Di Gunung Arafah ini juga, Nabi Muhammad SAW menyampaikan khutbah-khutbah terakhirnya. Ajaran Islam juga disempurnakan di sini.

Tahun ini, Hari Arafah jatuh pada 30 Julai. Berikutan penularan COVID-19, pihak keselamatan Arab Saudi terpaksa mengumumkan bahawa kawasan Masjidilharam di Makkah, akan ditutup pada Hari Wukuf dan Hari Raya Aidiladha bagi orang luar.

Untuk menjaga keselamatan, hanya jemaah haji yang terpilih sahaja dibenarkan untuk menunaikan rukun Islam yang kelima tersebut.



Menyingkap sejarah, wukuf di Arafah merupakan salah satu rukun haji untuk mengenang kembali peristiwa di mana Adam dan Hawa diturunkan ke bumi dari syurga atas sebab mengingkari perintah Allah SWT setelah terpedaya oleh tipu daya Iblis.

Mereka telah dipisahkan di dunia ini dan mengambil masa 40 tahun untuk bertemu kembali. Di manakah mereka bertemu? Di Padang Arafah iaitu di Jabal ar-Rahmah.

Di sinilah bertahun-tahun mereka memohon ampun daripada Allah SWT. Akhirnya permohonan mereka diterima Allah SWT.

Padang Arafah menjadi tempat kita menyesali segala dosa yang pernah dilakukan dan memohon pengampunan daripada Allah SWT agar permintaan kita diterima-Nya.

Masanya selepas masuk waktu zohor pada 9 Zulhijjah sehingga sebelum fajar iaitu sebelum subuh 10 Zulhijjah.

Walaupun tahun ini tidak dapat mengerjakan ibadah haji, banyak amalan sunat yang digalakkan yang dapat dilakukan serta amalan yang ganjarannya seumpama pahala haji yang boleh kita lakukan.

Bekas Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang ketika itu dalam tulisannya, *Bayan Al-Falak Siri 2: Idul Adha dan Puasa Hari Arafah*, berpuasa pada Hari Arafah (9 Zulhijjah) adalah baik dan mempunyai kelebihan menghapuskan dosa setahun sebelum dan setahun selepasnya.

Namun, tarikh berpuasa hari Arafah adalah pada 9 Zulhijjah mengikut ketentuan rukyah awal bulan Zulhijjah di negara masing-masing.

Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi ﷺ bersabda:

الصَّوْمُ يَوْمَ تَصُومُونَ وَالْفِطْرُ يَوْمَ تَفْطِرُونَ وَالْأَضْحَى يَوْمَ تُضَحُّونَ

Maksudnya: “Puasa itu (permulaannya) adalah pada hari kamu berpuasa (bulan Ramadan) dan Hari Raya Puasa (Idul Fitri) adalah hari di mana kamu berhari raya dan Hari Raya Korban (Idul Adha) adalah hari di mana kamu menyembelih (berkorban)”.

Riwayat Imam al-Tirmidzi (no.697)

Bagi mereka yang tidak dapat mengerjakan ibadah puasa, mereka boleh melakukan amalan-amalan sunat yang lain seperti berzikir, bersedekah, beselawat, bermuhasabah dan sebagainya asalkan mendatangkan kebaikan pada diri dan diredai Allah SWT.